

Telephone: +6088 423 111
Facsimile: +6088 250 753
Email address: sabc@sabah.gov.my
Website URL: www.sabah.gov.my/sabc



SABAH BIODIVERSITY COUNCIL
(Majlis Biodiversiti Sabah)

c/o Sabah Biodiversity Centre (SaBC)
Chief Minister's Department
11th Floor, Wisma Innoprise,
88817 Kota Kinabalu,
SABAH, MALAYSIA

(Please quote your licence reference number
and date if you have any queries)

NOMBOR RUJUKAN : JKM/MBS.1000-1/1/KLT.1 (1)
TARIKH : 26hb Mei 2014

Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah
Pengarah Jabatan Hidupan Liar
Pengarah Jabatan Perikanan Sabah
Pengarah Jabatan Pertanian Sabah
Pengarah Taman-Taman Sabah
Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS
Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, UMS
Dekan Sekolah Perubatan, UMS
Dekan Sekolah Sains Sosial, UMS
Dekan Sekolah Sains dan Teknologi, UMS
Dekan Sekolah Pertanian Lestari, UMS
Dekan Sekolah Perhutanan Antarabangsa, UMS
Pengurus Bahagian Konservasi dan Pengurusan Alam Sekitar, Yayasan Sabah

Y.Bhg. Datuk/Dr/Tuan/Puan

PEKELILING MAJLIS BIODIVERSITI SABAH BIL.1/2014
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB RAKAN USAHA TEMPATAN DALAM
PROJEK PENYELIDIKAN BERKAITAN BIODIVERSITI DI SABAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Dr/Tuan/Puan terhadap ketetapan Majlis Biodiversiti Sabah pada mesyuaratnya Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 12hb Mei 2014 berhubung dengan peranan rakan usaha tempatan (*local collaborator*) dalam sebarang projek penyelidikan berkaitan sumber biologi negeri Sabah. Ketetapan itu adalah seperti berikut:

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB RAKAN USAHA TEMPATAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan peranan dan tanggungjawab rakan usaha tempatan di negeri Sabah ke atas seseorang penyelidik sumber-sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan yang mereka telah setuju bekerjasama.

2. PELAKSANAAN

Peraturan ini adalah digunapakai di negeri Sabah memandangkan Sabah Biodiversiti Enakmen 2000 telah dikuatkuasakan pada tahun 2008.

NOMBOR RUJUKAN : JKM/MBS.1000-1/1/KLT.1 (1)

TARIKH : 26hb Mei 2014

3. TAFSIRAN

3.1 Bagi tujuan peraturan ini, istilah “akses” merujuk kepada semua aktiviti berkaitan dengan carigali, pemungutan, penggunaan komersil dan penyelidikan dan perkembangan sumber-sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan.

4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB RAKAN USAHA TEMPATAN


4.1 Rakan usaha tempatan bertanggungjawab:

- 4.1.1 Memastikan supaya penyelidik tersebut mempunyai kelulusan lesen akses yang dikeluarkan oleh Majlis Biodiversiti Sabah sebelum menjalankan aktiviti akses;
- 4.1.2 Memastikan supaya *Statutory Declaration* telah dibuat dan dihantar kepada Pusat Biodiversiti Sabah sebelum menjalankan aktiviti akses;
- 4.1.3 Memastikan supaya penyelidik asing mempunyai Pas Lawatan Iktisas (Profesional) daripada Jabatan Imigresen Malaysia semasa menjalankan aktiviti kajian dalam negeri Sabah;
- 4.1.4 Memastikan supaya spesimen tidak dibawa keluar daripada Negeri ini tanpa kebenaran dan kelulusan lesen eksport yang dikeluarkan oleh Majlis Biodiversiti Sabah;
- 4.1.5 Memastikan hasil penyelidikan dapat memberikan manfaat kepada Negeri;
- 4.1.6 Mengawasi penyelidikan supaya tidak menjejaskan populasi spesies atau mendatangkan kerosakkan terhadap ekologi dan persekitarannya;
- 4.1.7 Mengawasi penyelidikan yang boleh menimbulkan isu sensitif demi menjaga imej dan kepentingan Negara;
- 4.1.8 Memastikan laporan hasil kajian diberikan kepada jabatan dan Pusat Biodiversiti Sabah;
- 4.1.9 Melapor kepada Pusat Biodiversiti Sabah aduan-aduan bersabit dengan tingkahlaku dan penyelewengan yang dilakukan oleh penyelidik semasa menjalankan kajian;
- 4.1.10 Memastikan terma dan syarat yang dinyatakan dalam lesen akses dan lesen eksport adalah dipatuhi oleh penyelidik.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(DR. ABDUL FATAH BIN AMIR)
Setiausaha
Majlis Biodiversiti Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
KOTA KINABALU